



Prof Daing Mohd Nasir (duduk, tujuh dari kiri) bersama barisan alumni UMP dan rakan industri selepas pelancaran INAP.

INAP perkasa jaringan industri, hubungan alumni

BERITA HARIAN C4APR1717 4 JAN 2018 (LHANS) M/S: V46

Putrajaya: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Industry Network Alumni Platform (INAP) bagi memperkasa jaringan industri dan hubungan alumni-nya sempena Majlis Minum Petang Bersama Industri yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

INAP dicetuskan secara kolektif antara Jabatan Jaringan Industri & Masya-

rakat serta Persatuan Alumni UMP dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni sebagai platform untuk alumni membina jaringan, berinteraksi dan memberi sumbang saran atas kapasiti profesional mereka.

Cambah idea

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim, ber-

kata menerusi Pelan Strategik UMP 2016-2020, pihaknya melihat secara serius aspek penghubungan universiti dengan dua pemegang taruhnya, iaitu industri dan alumni, untuk digembangkan secara mampan, terutama dalam konteks kebolehpasaran graduan, pengembangan akademik dan penyelidikan serta pembangunan profesional.

Katanya, INAP diinstitusikan sebagai sebuah Chapter bawah Persatuan Alumni UMP dengan objektif khusus untuk merealisasikan per-cambahan idea konstruktif dari perspektif profesional alumni.

“Dengan cara ini, cabaran perhubungan dengan keseluruhan lebih 20,000 alumni UMP dapat dimudah cara sekiranya penggerak INAP

bekerjasama rapat dengan semua fakulti yang graduan ini pernah menuntut dahu-lu.

“Ramai alumni UMP kini sudahpun menduduki jawatan pengurusan pertengahan, malah kami ber-bangga sebahagian dari-pada mereka berada dalam pengurusan kanan dan atasan, termasuk mengendalikan syarikat diasas-

kan sendiri,” katanya.

Pada majlis sama, UMP memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan tiga rakan industri terbaharu, iaitu Dream-EDGE Sdn Bhd, SysArmy Sdn Bhd dan Daikin Research & Development Malaysia Sdn Bhd, selain persidangan meja bulat bersama wakil industri dan alumni turut diadakan.